

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.
KAWASAN : SANTIAGO
KLANG

SOALAN:

YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cadangan Kerajaan untuk meluaskan jalan raya di Teluk Gong, Klang demi kepentingan masyarakat tempatan termasuk kawasan perusahaan di kawasan itu.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Besar Telok Gong di Pelabuhan Klang ialah berstatus Jalan (B148), iaitu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun begitu JKR Selangor memaklumkan bahawa sememangnya terdapat perancangan dari Kerajaan Negeri untuk menaik taraf laluan tersebut.

Skop projek Kerajaan Negeri itu melibatkan cadangan menaik taraf jalan sedia ada dari Persimpangan Glenmarie Cove sehingga ke Persimpangan Jalan Ikan Tenggiri sepanjang 7km dengan anggaran kos projek RM15.5 juta. Kementerian ini difahamkan bahawa JKR Selangor sedang dalam proses untuk melantik juru perunding pada

tahun ini manakala kerja-kerja pembinaan dirancang untuk dimulakan pada tahun hadapan (2018).

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHARLES
ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG]**

SOALAN :

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pengundi di kawasan Parlimen Klang mengikut pecahan kaum dan jantina mengikut Q4 tahun 2016.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendaftaran pemilih bagi Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Keempat Tahun 2016 (DPT ST4/2016) masih belum boleh disahkan atau diwartakan oleh SPR.

Sekian, terima kasih.